

Dr M masih elak jawab kritikan buku Pak Lah
Malaysian Insider
Aug 15 , 2013
Oleh Md Izwan

Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini masih mengelak untuk menjawab mengenai kritikan penggantinya, Tun Abdullah Badawi di dalam buku yang menimbulkan kontroversi "Awakening: The Abdullah Badawi Years in Malaysia".

Dr Mahathir memberi alasan sama "tidak baca" meskipun didesak wartawan bagi mengulas dakwaan Abdullah bahawa Malaysia akan jatuh bankrap sekiranya meneruskan projek mega yang ditinggalkan kepadanya.

"Bankraplah... tidak, saya tidak baca," kata Dr Mahathir apabila ditanya wartawan dakwaan Abdullah di dalam bukunya padad sidang media di majlis perhimpunan NGO membantu Palestin yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PTWC) hari ini. - 15 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dr-m-masih-elak-jawab-kritikan-buku-pak-lah>